

**SENARAI TANGGUNGJAWAB DAN JADUAL PELAKSANAAN KERJA-KERJA
PEMBERSIHAN BANGUNAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEBERANG PERAI TENGAH (PDTST) DAN SURAU YANG
TERLETAK DI DALAM KAWASAN PDTST.**

1. Senarai tanggungjawab pembekal dan jadual pelaksanaan kerja pembersihan adalah seperti berikut:
 - 1.1. Menyedia dan menyenaraikan nama-nama 2 orang pekerja untuk kerja-kerja pembersihan bangunan dan surau iaitu di tingkat atas Bangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah dan di tingkat bawah Pejabat daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah beserta surau.
 - 1.2. Menyediakan pakaian seragam (uniform) untuk pekerja yang disenaraikan.
 - 1.3. Menyediakan semua pekerja dengan alat-alat mencuci yang lengkap untuk membersihkan bangunan dengan sempurna.
 - 1.4. Mencuci dan membersihkan pada tiap-tiap hari semua tempat bersimen di mana orang ramai berkumpul dan lalulalang, kaki lima, bilik menunggu, tangga, parit di Bangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah serta Surau yang terletak di dalam kawasan PDTST diantara jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang. Dinding, tingkap dan syiling yang terdapat di tempat tersebut juga hendaklah dicuci.
 - 1.5. Mengutip dan membuang sampah pada setiap hari dari semua bahagian pejabat termasuk bilik-bilik pegawai dan juga bilik mesyuarat serta surau dan persekitarannya.
 - 1.6. Mencuci semua tandas dua kali sehari dengan menggunakan alat mencuci seperti yang dinyatakan di para 1.13 dan 1.14 dan merekodkan kerja-kerja mencuci dalam buku catatan yang disediakan serta disahkan oleh pegawai-pegawai yang telah ditentukan.
 - 1.7. Mencuci dan membersihkan dinding, lantai, tingkap, siling dan alat kuasa elektrik di dalam bilik-bilik pejabat dari jam 4.15 petang hingga 5.00 petang setiap hari di Bangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah serta surau berhampiran.
 - 1.8. Mencuci kawasan berkarpet dengan "vacuum cleaner" pada setiap hari Isnin dan Rabu setiap minggu dan juga setiap kali selepas digunakan (bilik mesyuarat).
 - 1.9. Mencuci lantai dan semua perabot serta peralatan di Bilik Mesyuarat dan juga Bilik Gerakan Banjir di Bangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah pada setiap hari Rabu.
 - 1.10. Mencuci semua cermin dan tebing tingkap di bahagian luar pada setiap Jumaat.
 - 1.11. Membuang dan membersihkan sawang pada minggu kedua tiap-tiap bulan.
 - 1.12. Membekal sabun, timba dan bahan pewangi di dalam semua bilik-bilik air.